

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO (NIAGA)

TARIKH: 12 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 51

## Cypark peroleh kontrak RM16.96 juta

**KUALA LUMPUR** – Cypark Resources Bhd. (Cypark) memperoleh kontrak bernilai RM16.96 juta daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara bagi cadangan untuk mereka bentuk, membina dan menyiapkan penutupan selamat tapak pembuangan sisa pepejal di Bukit Palong, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Cypark menerusi satu makluman kepada Bursa Malaysia berkata, tarikh penyiapan yang ditetapkan bagi projek itu ialah 14 November 2018, iaitu 60 minggu daripada tarikh pemilikan tapak pada 20 September 2017.

"Kontrak itu dijangka memberi sumbangan positif kepada pendapatan dan aset bersih Cypark bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Oktober 2017 dan 31 Oktober 2018," katanya.

Cypark berkata, kontrak itu akan mengukuhkan lagi kedudukan syarikat tersebut sebagai salah satu pakar utama dalam pengurusan sisa pepejal dan penyelesaian alam sekitar bersepadu di negara ini.

– Bernama